



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

Aras G-4, Menara PjH, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957  
Emel: pha@kwp.gov.my  
Laman web: www.kwp.gov.my

# **KENYATAAN MEDIA**

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

## **PENGUMUMAN PELANTIKAN AHLI MAJLIS PENASIHAT PERBADANAN LABUAN BAGI TEMPOH 1 JANUARI 2010 HINGGA 31 DISEMBER 2011**

Sukacita dimaklumkan bahawa **di bawah Seksyen 6, Akta Perbadanan Labuan 2001 (Akta 609)** Y.B. Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin, dengan rasminya melantik **Ahli-Ahli Majlis Penasihat Perbadanan Labuan** yang baru untuk tempoh **dua (2) tahun** berkuat kuasa **mulai 1 Januari 2010 hingga 31 Disember 2011** adalah seperti berikut :

- i. **Y.Bhg. Dato' Harris Bin Haji Annuar Tan (lantikan semula)**  
Ketua Pegawai Eksekutif, Asian Supply Base Sdn. Bhd;
- ii. **Y.Bhg. Datuk Haji Yussof Bin Haji Mohamad**  
Yang DiPertua Dewan Perniagaan Melayu Cawangan Labuan;
- iii. **Dr. Harun @ Hardin bin Pudin (lantikan semula)**  
Ketua UMNO Cawangan Durian Tunjong, Labuan;
- iv. **Encik Chin Chee Kee**  
Pengerusi Dewan Perniagaan Tionghua Cawangan Labuan;
- v. **Cik Hajah Fauziah Binti Datuk Haji Mohd Din**  
Ahli Jawatankuasa Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga Wilayah Persekutuan Labuan; dan
- vi. **Encik Ronald James Majaing**  
Pengerusi Pertubuhan Pasokmomogun Kadazan dusun Murut Bersatu (UPKO) W.P. Labuan.

2. Ahli-ahli Majlis Penasihat yang telah **tamat tempoh pelantikan** ialah YBhg. Datuk Hj. Isli bin Hj. Siput; YBhg. Dato' Francis Tee Chee Hok, Encik Tan Beng Hian dan Puan Hajah Aini binti Safar. Sementara **YBhg. Datuk Hj. Yunus bin Hj. Kurus, telah dilantik semula sebagai Pengurus Majlis Penasihat mulai 21 Oktober 2009 sehingga 9 Oktober 2011.**
3. Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar menaruh penuh keyakinan bahawa berdasarkan pengalaman dan ketokohan kesemua Ahli Majlis Penasihat Perbadanan Labuan yang dilantik semula dan baru dilantik, mereka mampu **meneruskan aspirasi dan agenda kecemerlangan pengurusan pentadbiran Perbadanan Labuan sebagai pihak berkuasa tempatan yang responsif, prihatin, cekap, berinovasi, kreatif dan "Mesra Rakyat".**
4. Di samping itu, mereka juga akan bersama-sama seluruh warga Perbadanan Labuan ke arah meningkatkan imej dan keupayaan untuk menyumbang pencapaian sasaran pertumbuhan ekonomi negara, terutamanya dalam penyampaian perkhidmatan bagi menjadikan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai Pusat Kewangan dan Perniagaan Antarabangsa serta Pusat Pelancongan yang maju, dinamik dan kompetitif berteraskan falsafah gagasan "**1Malaysia – Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan**".

Sekian, terima kasih.



**DATO' HAJI AHMAD PESAL BIN TALIB**  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar  
merangkap Pengurus Perbadanan Labuan

03 hb. Mac 2010